



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 4 TAHUN 2019**

**PEMAKLUMAN TERHADAP PEMBERHENTIAN
PERKHIDMATAN TERIMAAN SURAT DAN
PARSEL TIDAK RASMI STAF
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
29 Mac 2019 | 22 Rejab 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 (13)

29 MAC 2019
22 REJAB 1440H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 4/2019

PEMAKLUMAN TERHADAP PEMBERHENTIAN PERKHIDMATAN TERIMAAN SURAT DAN PARSEL TIDAK RASMI STAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan pemberhentian perkhidmatan terimaan surat dan parcel tidak rasmi staf.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk kepada Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 5/2016 bertarikh 16 Ogos 2016 telah meluluskan penambahbaikan pengurusan mel bagi meningkatkan kelancaran dan keberkesanan pengoperasian mel di UTeM.

2.2 Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Mel UTeM memperuntukkan di para 5.1.2 iaitu "Perkhidmatan hanya tertakluk kepada surat-surat rasmi sahaja. Staf adalah dinasihatkan agar menggunakan alamat rumah bagi urusan penghantaran surat/parcel peribadi bagi mengelakkan kehilangan atau keciciran. Pihak Mel UTeM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan surat/parcel peribadi staf."

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pada masa ini, Unit Mel, Pejabat Pendaftar mengambil inisiatif sosial untuk membantu memudahkan staf dan pelajar menerima surat/parcel tidak rasmi di UTeM. Walau bagaimanapun, *trend* pembelian secara atas talian yang semakin menjadi pilihan staf telah secara langsung memberi

memberi kesan kepada peningkatan fungsi dan tanggungjawab tambahan staf Unit Mel.

- 3.2 Unit Mel, Pejabat Pendaftar bertanggungjawab setelah menerima surat dan parcel dari syarikat kurier yang berkaitan dan pernah beberapa kali menggantikan semula parcel yang hilang.
- 3.3 Justeru, atas faktor keseimbangan bebanan tugas staf Unit Mel, maka pihak pengurusan Universiti menerusi Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 1 Tahun 2019 bertarikh 6 Mac 2019 telah bersetuju untuk menghentikan perkhidmatan tersebut. Perkara ini juga telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat JPIPU Bil. 3/2019 yang bersidang pada 28 Mac 2019 untuk menghentikan terimaan surat/parcel tidak rasmi staf.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pemberhentian perkhidmatan terimaan surat/parcel tidak rasmi staf UTeM ini berkuat kuasa mulai **10 April 2019**.
- 4.2 Mana-mana penerimaan tidak rasmi mulai tarikh kuat kuasa, surat/parcel akan dikembalikan kepada syarikat perkhidmatan penghantaran yang berkenaan.
- 4.3 Ketua Pusat Tanggungjawab/Pihak Berkuasa Universiti hendaklah memantau supaya staf tidak menggunakan alamat Universiti bagi tujuan penghantaran surat/parcel tidak rasmi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka